



31 Disember 2012
31 December 2012
P.U. (A) 490

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT)
2012

CUSTOMS (PROHIBITION OF IMPORTS) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2013.

Jadual Pertama

Larangan Mutlak

2. (1) Pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, yang berasal atau dibuat kesemuanya atau sebahagian besarnya dalam, atau yang dikonsainkan dari, negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang dengan mutlaknya.

- (2) Subperenggan (1) terpakai bagi barang-barang dalam transit.

Bahagian I Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah suatu Lesen Import

3. (1) Pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian I Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu Lesen Import—

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; atau
 - (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang sepatutnya yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam untuk bertindak bagi

pihaknya di Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Pergerakan dari zon perdagangan bebas ke Kawasan Utama Kastam, Labuan, Langkawi dan Tioman barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian I Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) dilarang, kecuali di bawah suatu Lesen Import—

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; atau
- (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang sepatutnya yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam untuk bertindak bagi pihaknya di Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen.

Bahagian II Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah suatu Lesen Import dan tidak terpakai bagi zon bebas yang tersenarai

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian II Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual dilarang, kecuali di bawah suatu Lesen Import –

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; atau
- (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang sepatutnya yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam untuk bertindak bagi pihaknya di Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi zon bebas berikut—

(i) Zon Bebas Pelabuhan Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor;

(ii) Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor;

(iii) Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor;

(iv) Pelabuhan Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor;

(v) South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham, Daerah Klang, Selangor;

(vi) (Lot 67894) Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor; dan

(vii) Dermaga Air Dalam, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Utara Seberang Prai, Pulau Pinang.

(3) Pergerakan dari zon perdagangan bebas ke Kawasan Utama Kastam, Labuan, Langkawi dan Tioman, barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian II Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) dilarang, kecuali di bawah suatu Lesen Import—

(a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; atau

(b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang sepatutnya yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam untuk bertindak bagi

pihaknya di Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen.

Bahagian III Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah suatu Lesen Import dan tidak terpakai bagi Labuan, Langkawi dan Tioman dan zon bebas yang tersenarai

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian III Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu Lesen Import—

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; atau
- (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang sepatutnya yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam untuk bertindak bagi pihaknya di Kementerian, Jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen.

- (2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi—

- (a) Labuan, Langkawi dan Tioman; dan
- (b) zon bebas di—
 - (i) Zon Bebas Pelabuhan Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor;
 - (ii) Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor;